

15/07/1998

Jangan rakus kaut untung

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu pengguna mengetepikan peniaga yang mengambil kesempatan mengaut keuntungan tinggi ketika kegawatan ekonomi sekarang.

Pengguna mesti bijak menentukan barangan yang perlu dibeli termasuk mengurangkan pembelian barangan import selain membeli barangan tempatan dengan harga berpatutan.

Perdana Menteri mahu pengguna supaya membeli daripada peniaga yang menjual pada harga berpatutan saja.

"Kalau ada orang yang mengambil kesempatan 'profiteering' umpamanya, pengguna harus asingkan mereka. Tetapi kena berhati-hati, jangan pula kita tergesa-gesa membuat tindakan boikot dan sebagainya kerana setiap kali kita buat tindakan itu, ada orang yang rugi.

"Jadi, saya anggap pengguna punya peranan cukup besar kerana kita semua pengguna. Orang yang mengeluarkan barang, yang menjual pun, di waktu lain menjadi pengguna.

"Jadi ketika mereka menjual, jangan cuba mengambil kesempatan sedangkan kita tidak suka bila kita membeli... kita jadi pengguna, kita marah kepada orang lain. Jadi, pengguna mestilah menegur secara membina," katanya dalam wawancara khas RTM yang disiarkan malam ini.

Dr Mahathir menasihatkan pengguna supaya memahami masalah yang dihadapi dan tidak membuat salah tanggapan terhadap kerajaan.

"Kalau pengguna umpamanya membuat anggapan yang salah, berkata bahawa ini adalah kerana kerajaan korup, ada macam-macam kesalahan kerajaan tanpa mengambil periksa dan dengan kerana itu bertindak dengan cara tidak bertanggungjawab, ini akan merugikan pengguna itu sendiri," katanya.

Mengenai kempen Membeli Barangan Buatan Malaysia, Perdana Menteri menganggap ia cukup berkesan. Dalam tempoh tiga bulan pertama, Malaysia mencatat eksport mengatasi import sebanyak RM16 bilion.

Berhubung insentif kerajaan bagi meminta rakyat membawa balik wang yang disimpan di luar negara, beliau berkata, kerajaan tidak mengenakan cukai kepada wang yang dibawa balik dari luar negara.

"Tetapi mereka masih enggan kerana jika mereka bawa balik dan kemudian menggunakan untuk perniagaan, mungkin 'income tax' akan soal dari mana datang, sumbernya itu dan kalau mereka bagi jawapan mungkin dikenakan cukai juga.

"Sekarang kita memerlukan mereka membuat laporan... bila membawa balik mereka mestilah lapor berapa banyak yang bawa balik supaya kemudian bila mereka guna wang itu untuk perniagaan, kita tahu wang itu tidak perlu dikenakan cukai," katanya.

Perdana Menteri juga menolak dakwaan kononnya beliau tidak berminat kepada pelabur asing.

Menurutnya, beliau mengalu-alukan pelabur yang ingin menanam modal di negara ini tetapi menolak pelabur yang cuma berminat untuk membeli saham dalam pasaran saham.

"Jadi apa yang dibuat oleh mereka ialah membeli berturut-turut sehingga nilai saham meningkat begitu tinggi sehingga tidak ada kena mengena dengan keuntungan syarikat atau aset syarikat. Setelah naik begitu tinggi, mereka jual ambil untung.

"Kita hendak pelabur datang ke sini untuk mendirikan kilang mengeluarkan mikrocip atau radio, TV, barang-barang lain termasuk dalam Koridor Raya Multimedia," katanya.

(END)